

# Karnival Kerjaya & Keusahawanan 2008

Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) dengan kerjasama Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MECD) serta Kerajaan Negeri Perlis telah menganjurkan Karnival Kerjaya dan Keusahawanan 2008 bertempat di Dewan 2020 pada 12 dan 13 April 2008 lalu. Karnival yang berlangsung selama dua hari tersebut bertujuan untuk memberi pendedahan mengenai dunia keusahawanan kepada mahasiswa UniMAP dan remaja di seluruh negeri Perlis. Ia telah dirasmikan oleh Exco Pelaburan, Perdagangan dan Industri Perlis, YBM Dato` Seri Syed Razlan Ibni Almarhum Tuanku Syed Putra Jamalullail. Turut hadir pada majlis perasmian tersebut, Naib Canselor UniMAP, Y.Bhg. Kol. Prof. Dato` Dr. Kamarudin Hussin. Dalam ucapan perasmianya, YBM Dato` Seri Syed Razlan berkata, graduan pada masa kini perlu menerima kenyataan bahawa peluang dalam bidang pekerjaan amatlah terhad memandangkan setiap tahun lebih 50,000 graduan dilahirkan dari institusi pengajian tinggi awam dan swasta seluruh negara. Wujud lambakan yang terus meningkat saban tahun dan kekosongan jawatan yang ditawarkan semakin berkurangan. Justeru itu, beliau menyeru kepada graduan dan orang ramai agar mengambil kesempatan yang diberikan ini untuk mempelajari selok belok dunia keusahawanan dengan sebaiknya. Pada sebelah malamnya telah diadakan satu majlis makan malam bagi meraikan pihak industri yang hadir dan ia turut dihadiri oleh YAB Dato` Seri Dr. Md. Isa Sabu, Menteri Besar Perlis.